

**KEBIMBANGAN DAN SIKAP TERHADAP KOMPUTER DI
KALANGAN GURU-GURU SAINS DAN MATEMATIK DI
SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH LAWAS**



JULKIPLI BIN TANGAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2004**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

JULKIPLI BIN TANGAH
PS2002 – 006 (K) – 243
11 JUN 2004



UMS
PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Segala pujian dan syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izinNya disertasi sarjana ini dapat disempurnakan.

Penyelidik merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak ternilai kepada En. Tan Choon Keong, penyelia disertasi ini yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta nasihat dalam menyempurnakan kajian ini dari peringkat awal sehingga akhir. Bimbingan beliau amat dihargai.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada guru-guru sekolah yang dikaji kerana memberikan respon terhadap soal selidik yang pengkaji agihan. Terima kasih kepada pengetua sekolah terlibat yang memberikan kerjasama membenarkan membuat penyelidikan di sekolah beliau. Tidak lupa kepada para pensyarah yang membimbing dan mendidik kami selama ini sehingga disertasi ini dapat disempurnakan.

Ucapan penghargaan khas kepada ayah dan bonda, isteri yang amat memahami dan anakku, Nor Julzafirah yang juga mengerti, diucapkan terima kasih atas pengorbanan, sokongan dan semangat dan kesabaran yang telah diberikan dalam menyempurnakan disertasi ini. Penyelidik turut mengucapkan terima kasih atas sokongan rakan-rakan seperjuangan dan berkongsi rasa dalam menyempurnakan disertasi ini.

Julkipli bin Tangah
Sarjana Pengurusan Pendidikan
Universiti Malaysia Sabah
2004

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kebimbangan komputer dan sikap terhadap komputer di kalangan guru-guru Sains dan Matematik di sekolah menengah di Daerah Lawas, Sarawak, perbezaan tahap kebimbangan dan sikap terhadap komputer berdasarkan pembolehubah demografi. Sampel kajian terdiri daripada 41 orang guru Sains dan Matematik di sekolah menengah di Daerah Lawas, Sarawak. Ini terdiri daripada 31.7 % guru lelaki ($n=13$) dan 68.3 % guru perempuan ($n=28$). Dapatan menunjukkan bahawa guru Sains dan Matematik di sekolah menengah di Daerah Lawas, Sarawak mempunyai tahap kebimbangan komputer yang rendah ($\text{min}=1.57$) dan mempunyai sikap positif terhadap komputer ($\text{min}=3.15$). Guru yang memiliki komputer mempunyai tahap kebimbangan yang rendah ($\text{min}=1.50$) berbanding dengan yang tidak memiliki komputer ($\text{min}=2.00$) tetapi sikap terhadap komputer adalah tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Guru lelaki didapati mempunyai sikap yang lebih positif ($\text{min}=3.32$) berbanding dengan guru perempuan ($\text{min}=3.07$) tetapi tahap kebimbangan komputer tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Oleh itu adalah dicadangkan supaya guru-guru Sains dan Matematik diberikan latihan komputer supaya kemahiran mereka meningkat.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

COMPUTER ANXIETY AND ATTITUDES TOWARD COMPUTERS AMONG SCIENCE AND MATHEMATIC TEACHERS SECONDARY SCHOOL FROM LAWAS DISTRICT IN SARAWAK

This study investigated the computer anxiety levels and attitudes of Science and Mathematic teachers secondary school from Lawas District in Sarawak, and differenceness in anxiety levels and attitudes based on demographic characteristic. The sampel consisted of 41 Science and Mathematic teachers secondary school from Lawas District in Sarawak. The sample consisted of 13 male (31.7 %) and 28 female (68.3 %). The findings showed that Science and Mathematic teachers secondary school from Lawas District in Sarawak have low computer anxiety levels (min=1.57) and positive attitudes toward computers (3.15). Teachers who owned computers were found to have lower anxiety (min=1.50) than those who did not own computers (min=2.00) but attitudes toward computer did not have significant differences. Male teachers were found to be more positive attitudes toward computer (min=3.32) than female teachers (min=3.07) but computer anxiety levels did not have significant. It is suggested that Science and Mathematic teacher should be given computer course to increase their computer skill.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SINGKATAN

CAG	Computer Adventure Games
CALL	Computer Assisted Language Learning
CBA	Computer – based Assesment
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
KBCIS	Knowledge- based Computer Instruction System
MCP	Mid-Level Technology Program
PCP	Portable Computer Programme
TTP	Target Technology School



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
SINGKATAN	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
KATA KUNCI	xii
BIBLIOGRAFI	80
LAMPIRAN	89
 	
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.1. Pendahuluan	1
1.2. Permasalahan Kajian	2
1.3. Objektif Kajian	6
1.4. Soalan Kajian	6
1.5. Batasan Kajian	7
1.6. Kepentingan Kajian	8
1.7. Definisi Operasional	9
1.7.1. Kebimbangan	9

1.7.2. Sikap Terhadap Komputer	9
1.7.3. Guru Sains dan Matematik	9
1.7.4. Sekolah Menengah di Daerah Lawas	10
1.8. Kesimpulan	10

BAB 2: KAJIAN LITERATUR 11

2.1. Pendahuluan	11
2.2. Definisi Kebimbangan Komputer	11
2.3. Definisi Sikap Terhadap Komputer	13
2.4. Kebimbangan dan Sikap Terhadap Komputer	14
2.5. Isu Jantina	18
2.6. Umur	22
2.7. Mata Pelajaran Diajar	24
2.8. Pengalaman Mengajar	24
2.9. Pemilikan Komputer	25
2.10. Pengalaman Komputer	28
2.11. Kesimpulan	34

BAB 3: KAEDAH KAJIAN 35

3.1. Pendahuluan	35
3.2. Konsep Kajian	35
3.3. Sampel Kajian	36
3.4. Reka Bentuk Kajian	36
3.5. Alat Kajian	37

3.6.	Prosedur Mengumpul Data	38
3.7.	Prosedur Menganalisis Data	39
3.8.	Kesimpulan	40

BAB 4: DAPATAN KAJIAN 41

4.1.	Pendahuluan	41
4.2.	Analisis Demografi	41
4.2.1.	Jantina	41
4.2.2.	Taburan Umur Guru	42
4.2.3.	Mata Pelajaran Diajar	42
4.2.3.	Pengalaman Mengajar	43
4.2.4.	Pemilikan Komputer	43
4.2.5.	Latihan Komputer	44
4.3.	Kebimbangan Komputer	44
4.4.	Sikap Terhadap Komputer	47
4.5.	Perbezaan Tahap Kebimbangan dan Sikap Terhadap komputer Berdasarkan Pembolehubah Demografi	52
4.4.1.	Jantina	52
4.4.2.	Umur	53
4.4.3.	Mata Pelajaran Diajar	55
4.4.4.	Pengalaman Mengajar	56
4.4.5.	Pemilikan Komputer	57
4.4.6.	Latihan Komputer	59
4.6.	Kesimpulan	60

BAB 5 :	PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	61
5.1.	Pendahuluan	61
5.2.	Perbincangan	62
5.2.1.	Kebimbangan Komputer	62
5.2.2.	Sikap Terhadap Komputer	64
5.2.3.	Isu Jantina	65
5.2.4.	Umur	68
5.2.5.	Mata Pelajaran Diajar	69
5.2.6.	Pengalaman Mengajar	70
5.2.7.	Pemilikan Komputer	71
5.2.8.	Latihan Komputer	73
5.3.	Implikasi	74
5.4.	Kelemahan Kajian	76
5.5.	Cadangan Kajian Lanjutan	77
5.6.	Rumusan	78
BIBLIOGRAFI		80
LAMPIRAN		89

SENARAI JADUAL

		Muka Surat
1.	Jadual 3.1: Agihan dan Pulangan Soal Selidik	36
2.	Jadual 3.2: Pembahagian Item Dimensi Kebimbangan Terhadap Komputer	38
3.	Jadual 3.3: Pembahagian Item Dimensi Sikap Terhadap Komputer	38
4.	Jadual 3.4: Prosedur Pengumpulan Data	39
5.	Jadual 3.5: Perhubungan Korelasi Koefisiensi (r)	40
6.	Jadual 4.1: Taburan Jantina Guru	41
7.	Jadual 4.2: Taburan Umur Guru	42
8.	Jadual 4.3: Taburan Mata Pelajaran	43
9.	Jadual 4.4: Taburan Pengalaman Mengajar Guru	43
10.	Jadual 4.5: Taburan Pemilikan Komputer Guru	44
11.	Jadual 4.6: Taburan Latihan Komputer Guru	44
12.	Jadual 4.7: Taburan Kekerapan Berdasarkan Tahap Kebimbangan Komputer	45
13.	Jadual 4.8: Min Skor Keseluruhan Tahap Kebimbangan dan Dimensi Kebimbangan	47
14.	Jadual 4.9: Taburan Kekerapan Sikap Terhadap Komputer	50
15.	Jadual 4.10: Min Skor Keseluruhan Sikap Terhadap Komputer dan Dimensi Sikap Terhadap Komputer	51
16.	Jadual 4.11: Keputusan Ujian-t Tidak Bersandar Terhadap Perbezaan Tahap Kebimbangan dan Sikap Terhadap Komputer Berdasarkan Jantina	52

17.	Jadual 4.12: Keputusan Ujian ANOVA Sehalah Tahap Kebimbangan dan Sikap Terhadap Komputer Berdasarkan Umur	54
18.	Jadual 4.13: Keputusan Ujian Scheffe Terhadap Sikap Terhadap Komputer pada Dimensi Kognitif	54
19.	Jadual 4.14: Keputusan Ujian ANOVA Sehalah Tahap Kebimbangan dan Sikap Terhadap Komputer Berdasarkan Mata Pelajaran Diajar	55
20.	Jadual 4.15: Keputusan Ujian ANOVA sehalah Tahap Kebimbangan dan Sikap Terhadap Komputer Berdasarkan Pengalaman Mengajar	56
21.	Jadual 4.16: Keputusan Ujian-t Untuk Melihat Perbezaan Tahap Kebimbangan Komputer dan Sikap Terhadap Komputer Berdasarkan Pemilikan Komputer	58
22.	Jadual 4.16: Keputusan Korelasi Pearson Tahap Kebimbangan Komputer dan Sikap Terhadap Komputer Berdasarkan Latihan Komputer	59

SENARAI RAJAH

Muka Surat

1. Rajah 3.1: Kerangka Konseptual Kebimbangan dan Sikap
Terhadap Komputer

35

KATA KUNCI

Kebimbangan komputer, sikap terhadap komputer, guru Sains dan Matematik, sekolah menengah.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

Pengenalan

1.1. Pendahuluan

Dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris yang bermula pada tahun 2003 mengubah juga cara pengajarannya. Pengajaran berbantu komputer dan perisian berkaitan mata pelajaran Sains dan Matematik akan digunakan dengan meluas. Oleh itu sebenarnya guru-guru Sains dan Matematik dituntut untuk menguasai kemahiran komputer. Oleh itu kajian ini dibuat untuk melihat tahap kebimbangan komputer dan sikap terhadap komputer di kalangan guru-guru Sains dan Matematik di sekolah menengah di Daerah Lawas, Sarawak. Ini perlu bagi memastikan kebimbangan dan sikap guru terhadap komputer diketahui kerana guru sebagai pelaksana yang menentukan kejayaan dasar ini.

Secara umumnya guru-guru dikatakan tidak mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi dan mempunyai sikap yang positif terhadap komputer. Oleh itu keperluan kursus harus diberikan kepada guru-guru supaya dapat mengubah tahap kebimbangan dan sikap guru terhadap komputer. Kursus yang dirancang seharusnya memberi persediaan mental supaya guru diyakinkan dengan kebaikan dan kepentingan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan diberi kemahiran yang mencukupi untuk penggunaan komputer dan alatan teknologi secara cekap dan efektif (Lee Ong Kim, 1999).

Tahap kebimbangan dan sikap terhadap komputer perlu juga dikenalpasti juga kerana ia berkait rapat dengan celik internet. Dalam pendidikan sekarang ini internet adalah penting untuk mendapat maklumat tambahan dalam pengajaran dan pembelajaran tanpa bergantung sepenuhnya kepada buku teks. Ini penting supaya guru dapat membawa pembaharuan dalam pendidikan (Chan Yuen Fook, 1998).

Dalam pendidikan, teknologi selalu dirujuk kepada perkakasan, perisian dan juga bahan-bahan kurikulum. Teknologi pada masa ini sangat cepat berubah dan komputer dikaitkan dengan teknologi dan menyebabkan penggunaan komputer dalam pendidikan juga mengalami perubahan yang cepat. Namun masalah yang timbul ialah apabila teknologi berubah maka yang berubah sebenarnya bukan sahaja teknologi tersebut tetapi juga melibatkan perubahan sosial, kepercayaan, nilai dan pelaksanaan (Bruce & Peyton, 1999). Perubahan ini bukanlah satu perkara yang mudah untuk dilakukan oleh guru-guru. Oleh itu tahap kebimbangan dan sikap terhadap komputer perlu dikenalpasti kerana ini melibatkan perubahan teknologi dan perubahan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran. Disebabkan komputer diperkenalkan dalam kurikulum adalah sangat berguna juga dikaji sikap pelajar terhadap komputer yang akan menentukan kejayaan program (Lloyd & Gressard, 1984). Namun begitu sikap guru perlu dikenalpasti dahulu dalam penggunaan komputer untuk pengajaran dan pembelajaran.

1.2 . Permasalahan Kajian

Kadar perubahan yang cepat dan kerap dalam sistem pendidikan negara telah menguatkan desakan kepada guru untuk menguasai kemahiran komputer.

Sepatutnya sekarang guru-guru tidak lagi menggunakan mesin taip untuk menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu kebimbangan dan sikap terhadap komputer di kalangan guru perlu diketahui. Ini kerana kebimbangan komputer adalah satu fenomena negatif (Dorinina, 1995) dan juga ia merujuk kepada pembelajaran dan pencapaian kognitif (Hakkinen, 1994). Tahap kebimbangan terhadap komputer perlu dikurangkan supaya penggunaan komputer lebih efektif dan berterusan (Dorinina, 1995; Hakkinen, 1994). Manakala sikap terhadap komputer adalah satu petunjuk tentang masa depan penggunaan komputer dalam pendidikan (Hunt & Bohlin, 1993).

Penggunaan komputer sebagai satu alat pembantu pengajaran dan pembelajaran adalah satu inovasi yang menarik dalam pendidikan. Namun ini memerlukan pelaburan yang besar diperlukan dalam penggunaan komputer dalam pendidikan. Pada masa ini guru-guru Sains dan Matematik yang mengajar di tingkatan satu dan dua telah dibekalkan dengan komputer riba dan ini tentunya memerlukan perbelanjaan yang banyak oleh kerajaan. Monke, (1998) mengkaji tentang penggunaan teknologi komputer di sekolah persendirian di Des Moines mendapati apabila menggunakan komputer akan melibatkan kos yang tinggi. Ini disebabkan untuk membeli alat-alat komputer adalah mahal. Penggunaan komputer yang berkesan memerlukan penyelenggaraan berterusan kerana dikatakan komputer memerlukan perhatian manusia. Jika guru-guru mempunyai tahap kebimbangan komputer yang tinggi dan sikap negatif terhadap komputer maka pelaburan ini akan sia-sia kerana komputer tersebut tidak dapat digunakan sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini cuba mengenalpasti apakah tahap

kebimbangan dan sikap terhadap komputer di kalangan guru-guru Sains dan Matematik di sekolah menengah di Daerah Lawas, Sarawak.

Perhubungan guru sebagai manusia dan komputer sebagai mesin di sekolah memerlukan guru-guru yang disediakan dengan pengetahuan komputer. Oleh itu guru-guru juga perlu dihantar berkursus yang tiada kaitan dengan kurikulum tetapi hanya untuk mengenali komputer (Monke, 1998). Ini kerana daripada kajian Stolarchuk dan Fisher, (2001) tentang penggunaan komputer riba dalam pengajaran Sains mendapati pada tahun pertama penggunaan komputer tersebut sebenarnya lebih kepada mengajar komputer daripada mengajar isi mata pelajaran. Rotrigues *et al.* (1990) mengkaji tentang penggunaan CD-ROM dalam pengajaran Sains dan satu perkara yang penting dan menarik daripada kajian ini mengatakan guru lebih rela mengubah teknologi untuk menyesuaikan dengan cara pengajaran mereka daripada mengubah cara pengajaran supaya sesuai dengan teknologi. Ringkasnya sikap guru masih tidak mahu berubah sesuai dengan teknologi.

Penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran jika digunakan sebagai satu alat pembantu pengajaran dan pembelajaran dapat memberi kebaikan kepada pelajar. Curtis dan Lawson, (2002) telah menjalankan kajian ke atas 40 orang pelajar dari tiga buah sekolah bandar di Adelaide dengan menggunakan *Computer Adventure Games* (CAG) sebagai persekitaran penyelesaian masalah mendapati CAG dapat memberi galakan dalam penggunaan meta kognitif malah lebih jauh boleh merentasi kurikulum.

Fan, Mak dan Shue, (1997) dalam kajian mereka menggunakan *Knowledge-based Computer Instruction System* (KBCIS) di Universiti Wollongong dengan seramai 700 orang sampel dari Jabatan Akauntan Dan Kewangan mendapati

KBCIS mampu menyimpan banyak penyelesaian masalah dan mampu menyemak masalah dan yang lebih penting mampu memberi maklum balas kepada pelajar. Malah pensyarah juga boleh memantau pelajar untuk mengenal pasti tahap pencapaian pelajar.

Vincent dan Hah, (1996) mengkaji dalam pengajaran bahasa Jepun di Universiti Monash dengan menggunakan *Computer Assisted Language Learning* (CALL) dengan menggunakan perisian NinghingoWare 1 mendapati bahawa CALL memberi kesan kepada kualiti pengajaran bahasa. Newhouse, (1999) mengkaji tentang *Portable Computer Programme* (PCP) yang dijalankan di sekolah persendirian perempuan di barat Australia menunjukkan dapatan yang penting daripada kajian kes ini ialah PCP dapat mewujudkan pengajaran berpusatkan pelajar (*student-centred*) dan tidak lagi berpusatkan guru. Bocij dan Greasley, (1999) mengkaji apakah *Computer-based Assessment* (CBA) boleh mencapai kualiti dan kecekapan dalam penilaian juga mendapati CBA dapat membantu memperbaiki prestasi pelajar dan kadar pelajar gagal dapat dikurangkan sehingga 18.0 % hingga 25.0 % malah lebih objektif daripada disemak oleh tutor yang mungkin berat sebelah.

Jika tahap kebimbangan yang tinggi dan sikap yang negatif terhadap komputer di kalangan guru-guru maka kelebihan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran tidak akan dapat dimanfaatkan, malah dasar pengajaran Sains dan Matematik yang melibatkan pengajaran berbantuan komputer tidak akan berjaya dilaksanakan. Oleh itu guru-guru perlu menggunakan komputer tanpa rasa bimbang dan mempunyai sikap yang positif terhadap komputer

supaya komputer yang dibekalkan ke sekolah-sekolah dapat digunakan dengan sebaiknya.

1.3. Objektif Kajian

Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk mengelpasti tahap kebimbangan komputer dan sikap terhadap komputer di kalangan guru-guru Sains dan Matematik di sekolah menengah di Daerah Lawas, Sarawak. Secara khususnya objektif kajian seperti berikut :

1. Mengenal pasti tahap kebimbangan komputer di kalangan guru-guru Sains dan Matematik di sekolah menengah di Daerah Lawas .
2. Mengenal pasti sikap terhadap komputer di kalangan guru-guru Sains dan Matematik di sekolah menengah di Daerah Lawas.
3. Mengenal pasti perbezaan tahap kebimbangan dan sikap terhadap komputer berdasarkan pembolehubah demografi.

1.4. Soalan Kajian

1. Apakah tahap kebimbangan komputer di kalangan guru-guru Sains dan Matematik di sekolah menengah di Daerah Lawas, Sarawak?
2. Apakah sikap terhadap komputer di kalangan guru-guru Sains dan Matematik di sekolah menengah di Daerah Lawas, Sarawak?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kebimbangan dan sikap terhadap komputer berdasarkan jantina ?

4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kebimbangan dan sikap terhadap komputer berdasarkan umur?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kebimbangan dan sikap terhadap komputer berdasarkan mata pelajaran ?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kebimbangan dan sikap terhadap komputer berdasarkan pengalaman mengajar?
7. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara kebimbangan dan sikap terhadap komputer berdasarkan pemilikan komputer ?
8. Adakah terdapat hubungan yang signifikan berdasarkan latihan komputer antara tahap kebimbangan dan sikap terhadap komputer ?

1.5. Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kerana hanya di jalankan di sekolah menengah di Daerah Lawas, Sarawak sahaja yang hanya mempunyai tiga buah sekolah menengah. Sampel kajian juga agak terbatas kerana hanya guru-guru yang mengajar Sains dan Matematik di sekolah tersebut. Oleh itu ia tidak dapat menggambarkan tahap kebimbangan dan sikap terhadap komputer guru di kalangan guru-guru di Sarawak. Kajian ini juga tidak mendapat tajaan kewangan daripada mana-mana pihak oleh itu kajian yang lebih luas dengan sampel yang lebih besar tidak dapat dijalankan. Disamping itu kajian itu juga terbatas kerana faktor masa yang singkat untuk menjalankan kajian yang menyeluruh. Kajian ini juga terbatas kerana hanya mengenal pasti tahap dan sikap terhadap komputer sahaja tanpa melihat kepada penggunaanya.

1.6. Kepentingan Kajian

Kajian ini mengenal pasti tahap kebimbangan komputer dan sikap terhadap komputer di kalangan guru-guru Sains dan Matematik di sekolah menengah di Daerah Lawas, Sarawak. Tahap kebimbangan komputer samada tinggi atau rendah dan sikap guru-guru samada positif atau negatif terhadap komputer. Kajian ini juga cuba memahami fenomena kebimbangan komputer dan melihat signifikan dan interaksi antara pengguna komputer iaitu guru dan komputer sebagai alat. Kajian ini penting kepada:

1. Guru-guru untuk mengetahui tahap kebimbangan dan sikap terhadap komputer untuk membantu dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Pengetua untuk mengadakan latihan dalaman tentang penggunaan komputer di kalangan guru-guru Sains dan Matematik.
3. Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak untuk mengenalpasti tahap kebimbangan dan sikap terhadap komputer dalam merangka kursus yang sesuai.
4. Kementerian Pelajaran untuk melihat tahap kebimbangan dan sikap terhadap komputer di kalangan guru Sains dan Matematik.
5. Kementerian Pelajaran untuk merangka kursus dan modul pengajaran dan pengajaran berbantuan komputer.
6. Negara untuk memastikan guru mempunyai kemahiran dalam komputer dan tidak bimbang serta mempunyai sikap yang positif terhadap komputer.

1.7. Definisi Operasional

1.7.1. Kebimbangan

Kebimbangan komputer dalam kajian ini merujuk kepada tiga dimensi yang digunakan iaitu kebimbangan tugas, kebimbangan sosial dan kebimbangan perkakasan. Kebimbangan ini adalah berkaitan dengan perasaan dalaman guru-guru terhadap komputer sama ada bimbang atau tidak apabila menggunakan komputer. Untuk kajian ini tahap kebimbangan dilihat sama ada tinggi atau rendah.

1.7.2. Sikap Terhadap Komputer

Sikap terhadap komputer dalam kajian ini merujuk kepada tiga dimensi iaitu dimensi kognitif, dimensi afektif dan dimensi tingkahlaku. Sikap ini merupakan persepsi guru terhadap komputer. Oleh itu dalam kajian ini adalah mengenal pasti sikap guru sama ada positif atau negatif terhadap komputer.

1.7.3. Guru-Guru Sains dan Matematik

Guru Sains dan Matematik dirujuk kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sains, Matematik atau kedua-duanya di sekolah yang dikaji. Ini terdiri daripada guru yang terlatih dan tidak terlatih yang mengajar dari tingkatan satu hingga tingkatan lima.

1.7.4. Sekolah Menengah di Daerah Lawas

Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah menengah di Daerah Lawas. Daerah Lawas adalah sebahagian daripada Bahagian Kelima di Sarawak. Perhubungan antara sekolah ini dihubungkan dengan jalan raya dan jarak antara satu sama lain dalam lingkungan 25 kilometer. Sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Lawas, Sekolah Menengah Kebangsaan Trusan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sundar

1.8. Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini menghuraikan tentang perkara-perkara yang menjadi latar belakang kajian. Bab ini terdiri daripada pendahuluan kepada kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, batasan kajian dan definisi operasional kajian. Bab seterusnya akan membincangkan kajian-kajian lepas tentang keseimbangan komputer dan sikap terhadap komputer.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1. Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji meninjau kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan objektif kajian. Kajian yang dirujuk merupakan kajian dalam dan luar negara tentang kebimbangan dan sikap terhadap komputer. Definisi tentang kebimbangan dan sikap juga dijelaskan berdasarkan kajian literatur ini.

2.2. Definisi Kebimbangan Komputer

Pelbagai frasa digunakan untuk menunjukkan tentang kebimbangan komputer seperti "*computerphobia*", "*technostress*", "*technophobia*", tetapi definisi ini berubah mengikut tahun serta berdasarkan pengkaji serta kefahaman tentang kebimbangan komputer (Kohrman, 2003). Dorinina, (1995) pula menggunakan istilah ketakutan terhadap komputer untuk menggambarkan fenomena kebimbangan komputer.

Bryant, (2002) mendefinisikan kebimbangan komputer sebagai satu respon emosi yang biasa tentang kelakuan terhadap komputer dan kebimbangan terhadap sesuatu yang baru dan biasanya lebih kepada negatif dalam pengukuran kognitif. Koohang, (1986) mendefinisikan kebimbangan komputer sebagai takut kepada komputer atau pembelajaran menggunakan komputer. Griswold, (1983)